

Bahagian A**[60 markah]***Jawab semua soalan.*

1.

- (a) Nyatakan akaun yang perlu didebitkan dan dikreditkan oleh Kedai Perabut Jossey berdasarkan urus niaga di bawah:

Menjual 1 unit almari berharga RM2,000 kepada Malek secara kredit.

[2 markah]

- b) Berikut adalah dokumen yang dikeluarkan oleh Pemborong Mohideen:

Pemborong Mohideen				A321
18 Jalan Cantik 83000 Batu Pahat Tel: 07-4241550				
Kepada Kedai Pakaian Muafakat 33 Jalan Berjaya 83000 Batu Pahat			Tarikh: 3 Julai 2017	
Akaun anda telah dikreditkan seperti butiran berikut:				
Bil.	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Baju blaus yang dihantar mempunyai kecacatan jahitan.	2	120	240
	<i>Tolak</i> : Diskaun niaga 20%			48
	Jumlah			192
(Ringgit Malaysia: <i>Satu Ratus Sembilan Puluh Dua sahaja</i>)				
<i>Mohideen</i> Pengurus			<i>Rugayah</i> Penerima	

- i) Nyata dokumen di atas? [1 markah]
- ii) Nyatakan buku catatan pertama yang perlu direkodkan oleh Pemborong Mohideen? [1 markah]

- (c) Maklumat berikut diperolehi daripada buku Amanah Bersatu berhad pada 31 Disember 2018.

Hitungkan harga sesyer bagi syer biasa dan syer keutamaan berikut.

Jenis syer	Bil unit	Jumlah (RM)	Harga sesyer(RM)
Syer keutamaan	500,000	1,000,000	
Syer biasa	1,000,000	1,000,000	

[2 markah]

- (d) Maklumat yang dipetik dari Kelab Setia Warisan pada 1 Januari 2019

	RM
Tunai	8 400
Alatan Kelab	12 500
Yuran Ahli belum terima	260
Yuran Ahli belum terperoleh	120
Premis Kelab	70 000

Hitungkan dana terkumpul kelab pada 1 Januari 2019

[2 markah]

- (e) Nyatakan pengkelasan komponen kos pengeluaran berikut:

Kos pengeluaran	Pengkelasan
i) Kadar bayaran Kilang	
ii) Royalti kilang	

[2 markah]

2. Mukminin adalah pemilik perniagaan Mukminin Enterprise yang beroperasi di Sik, Kedah. Imbangan duga berikut diambil daripada buku perniagaannya pada 30 Jun 2019.

Imbangan Duga Pada 30 Jun 2019

	RM	RM
Premis (kos)	50 000	
Perabot (kos)	20 000	
Kenderaan (kos)	30 000	
Alat tulis 1 Julai 2018	3 000	
Inventori 1 Julai 2018	22 500	
Akaun Belum Terima	29 600	
Akaun Belum Bayar		19 225
Bank	6 327	
Pinjaman berkadar faedah 10%		15 000
Pinjaman berkadar faedah 5%		8 000
Susut Nilai Terkumpul		
Peralatan		12 000
Kenderaan		15 300
Peruntukan hutang ragu		450
Ambilan	10 000	
Modal		85 870
Belian dan Jualan	117 020	224 800
Pulangan Jualan	2 471	
Pulangan Belian		3 830
Belian alat tulis	600	
Angkutan masuk	530	
Sewa diterima		3 200
Komisen		9690
Hutang lapuk	1 247	
Gaji	68 550	
Belanja am	32 970	
Faedah pinjaman 10%	1 500	
Tunai	1 050	
	397 365	397 365

Matlamat tambahan pada 30 Jun 2019:

(i) Inventori dinilai dan dicatatkan dalam kad inventori berasingan:

	Harga Kos	Harga Pasaran
	RM	RM
Kasut Arif	7 450	7 920
Kasut Bestari	5 740	5 760
Kasut Camel	4 590	4 380
Kasut Don	2 940	2 960

(ii) Alat tulis yang masih belum digunakan adalah RM1 800

(iii) Sewa belum terima RM2 800

(iv) Belanja am prabayar RM250.

(v) Baki seorang Akaun Belum Terima RM400 dihapuskan sebagai hutang lapuk.

(vi) Pinjaman:

Jenis	Tarikh Mula	Tarikh Tamat
Berkadar faedah 10%	1 Januari 2017	1 Januari 2030
Berkadar faedah 5%	1 Januari 2015	1 Januari 2020

(vii) Polisi susut nilai menetapkan semua aset bukan semasa disusutnilaikan setahun penuh tanpa mengambil kira tarikh pembelian aset

Premis : tiada

Perabot : 10% mengikut kaedah garis lurus

Kenderaan : 20% mengikut kaedah baki berkurangan

(viii) Peruntukan hutang ragu ialah RM584.

Anda dikehendaki menyediakan:

(a) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2019. [14 markah]

(b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2019. [11markah]

3. Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Semarak yang menjual alat tulis di Baling, Kedah pada 1 April 2019.

Buku Catatan Pertama Perniagaan Semarak adalah seperti berikut:

JURNAL AM

Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit
2019			RM	RM
Apr 1	Tunai		600	
	Bank		28 000	
	Modal			28 600
	(Memulakan perniagaan)		<u>28 600</u>	<u>28 600</u>
16	Ambilan		100	
	Belian			100
	(mengambil barang niaga untuk tujuan peribadi)			

JURNAL BELIAN

Tarikh	Butir	Folio	No. Dokumen	Jumlah
2019				RM
Apr 2	Simfoni Trading		1233	1 200
30	Akaun Belian	Dt		<u>1 200</u>

JURNAL JUALAN

Tarikh	Butir	Folio	No. Dokumen	Jumlah
2019				RM
Apr 4	Kedai Mawardi		3555	1 300
6	Lim Enterprise		3556	1 500
30	Akaun Jualan	Kt		<u>2 800</u>

JURNAL PULANGAN BELIAN

Tarikh	Butir	Folio	No. Dokumen	Jumlah
2019				RM
Apr 9	Simfoni Trading		242	120
30	Akaun Pulangan Belian	Kt		<u>120</u>

JURNAL PULANGAN JUALAN

Tarikh	Butir	Folio	No. Dokumen	Jumlah
2019				RM
Apr 10	Kedai Mawardi		311	60
30	Akaun Pulangan Jualan	Dt		<u>60</u>

BUKU TUNAI

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
2019		RM	RM	RM	2019		RM	RM	RM
Apr 1	Modal		600	28 000	Apr 1	Tunai runcit		250	
10	Jualan			800	8	Belian			1 000
12	Kedai Mawardi	30		520	16	Simfoni Trading			540
18	Lim Enterprise	20		480	25	Gaji			2 500
29	Bank (k)		700		29	Tunai (k)			700
					30	Baki h/b		1 050	25 060
		50	1 300	29 800				1 300	29 900
Mei 1	Baki b/b		1 050	25 060	Mei 1	Tunai runcit		170	

BUKU TUNAI RUNCIT

Tarikh	Butir	F	No. Baucar	Penerimaan	Pembayaran	Analisis Pembayaran		
						Belanja Pos	Belanja Perjalanan	Alat Tulis
				RM	RM	RM	RM	RM
Apr 1	Tunai		V001	250				
3	Kartirij komputer		V002		85			85
5	Bayaran tol		V003		10		10	
8	Sampul surat		V004		6	6		
18	Sampul pos ekspres		V005		24	24		
22	Tambung teksi		V006		30		30	
25	Kertas A4				15			15
				250	170	30	40	100
30	Baki h/b				80			
				250	250			
Mei 1	Baki b/b			80				
	Tunai			170				

Anda dikehendaki memindahkan catatan daripada Buku Catatan Pertama yang berikut ke lejar.

[25 markah]

Bahagian B

[40 markah]

*Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.*

4. En Rizal adalah pemilik Green Nusery yang beroperasi di Jalan Kuala Kedah telah menjalankan perniagaannya semenjak tahun 2016. Berikut adalah maklumat yang telah disediakan oleh beliau untuk tujuan penyediaan belanjawan tunai perniagaannya.

- i. Baki pada 30 Jun 2019 adalah seperti berikut :

	RM
Tunai ditangan	954
Tunai di bank	73,561
Akaun Belum Terima	15,000

- ii. Jualan pada bulan Jun ialah RM50,000 dan nilai jualan dijangka akan meningkat 4% setiap bulan daripada bulan sebelumnya. 30% daripada jualan setiap bulan merupakan jualan kredit.
- iii. Belian pada bulan Julai RM30,000 dan dijangka belian setiap bulan akan meningkat 2% daripada bulan sebelumnya. Semua belian adalah secara tunai.
- iv. Polisi kredit bagi Green Nusery ialah 30 hari.
- v. Sebuah van terpakai milik En Rizal berharga RM20,000 dijangka akan dibawa masuk ke dalam perniagaan pada awal bulan Ogos 2019.
- vi. Jangkaan penerimaan hasil
- Komisen diterima pada bulan Julai dijangka RM1,100 dan akan meningkat 10% pada bulan Ogos dan dijangka terus stabil hingga September.
 - Sewa kenderaan mulai Ogos RM800 sebulan
- vii. Pelbagai pembayaran:
- Insurans RM2,400 setahun dibayar secara bulanan mulai April 2019
 - Kos pembajaan RM500 setiap bulan mulai Julai
 - Promosi akan dibuat pada bulan Ogos dengan kos RM600
 - Kadar bayaran bulan Julai dan Ogos ialah RM2,850 dan RM2,900, seterusnya kekal untuk bulan September.
 - Gaji pekerja kekal RM6,350 sehingga Ogos. Mulai September naik 2% sebulan

Sediakan **Penyata Belanjawan Tunai** bagi Green Nusery bagi tiga bulan berakhir 30 September 2019. [20 markah]

5. Aishah dan Siti ialah pekongsi dalam sebuah perniagaan membekalkan pakaian sekolah di Kuala Ketil Kedah yang berkongsi untung rugi mengikut nisbah modal masing-masing. Mereka bersetuju untuk membubarkan perkongsian mereka pada 31 Julai 2019. Maklumat berikut diperoleh pada tarikh pembubaran:

	RM
Kenderaan	50 000
Peralatan	15 900
Pelaburan	23 000
Inventori	16 700
Akaun Belum Terima	5 300
Bank	10 000
Akaun modal:	
Aishah	60 000
Siti	40 000
Akaun semasa:	
Aishah	7 500
Siti	(1800)
Pinjaman bank	10000
Akaun belum bayar	5200

Maklumat tambahan

- i. Pelaburan dan inventori dijual dengan harga RM28 000 dan RM15 000 masing-masing.
- ii. Kenderaan diambil alih oleh Aishah dengan harga RM45 000
- iii. Siti bersetuju mengambil alih peralatan dengan harga RM15 000
- iv. Baki Akaun belum terima dapat dikutip sepenuhnya setelah memberi diskaun RM300
- v. Pinjaman bank dijelaskan sepenuhnya.
- vi. Aishah bersetuju menjelaskan hutang Akaun belum bayar berjumlah RM5 000.
- vii. Belanja realisasi berjumlah RM500 dijelaskan dengan cek.
- viii. Menerima cek RM650 daripada seorang Akaun belum terima yang sudah dihapuskira sebagai hutang lapuk. Urusniaga ini belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- ix. Semua penerimaan dan pembayaran dibuat dengan cek.

Anda dikehendaki menyediakan:

- | | |
|---|-------------|
| a) Akaun Realisasi | [10 markah] |
| b) Akaun Modal (dalam bentuk beruangan) | [5 markah] |
| c) Akaun bank | [5 markah] |

- 6(a) Encik Abdul memulakan perniagaan pada 1 April 2017 dengan modal di bank berjumlah RM50,000. Beliau tidak menyediakan rekod-rekod perniagaan menggunakan sistem catatan bergu. Pada 31 Mac 2019, beliau meminta bantuan anda untuk menentukan prestasi perniagaannya bagi tahun berakhir 31 Mac 2019.

Encik Abdul memberikan anda maklumat berikut:

(i)

	1 April 2018	31 Mac 2019
	RM	RM
Premis	80,000	?
Kenderaan (kos)	25,000	25,000
Akaun Belum Terima	14,590	21,570
Inventori	21,454	28,100
Insurans prabayar	120	230
Bank	8,645	7,105
Akaun Belum Bayar	5,905	6,990
Kadar bayaran belum bayar	150	180

- (ii) Encik Abdul menggunakan wang simpanannya sendiri untuk membuat ubahsuai premis perniagaannya berjumlah RM20,000.
- (iii) Kenderaan disusutnilaikan sebanyak 10% setahun atas kos.
- (iv) Kalamuthu seorang pelanggan telah meninggal dunia, hutangnya yang berjumlah RM370 dihapuskira sebagai hutang lapuk.
- (v) Encik Abdul telah membuat ambilan dari bank RM1,500 dan barangniaga RM100 setiap bulan untuk kegunaan keluarganya sendiri.

Anda dikehendaki:

- (a) Menghitung modal pada 31 Mac 2019. [6 markah]
- (b) Menyediakan penyata untung rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2019 [4 markah]

6(b) Perniagaan Razzi, pembekal tshirt di Baling bercadang menjual keluarannya untuk sambutan Hari Malaysia tahun 2019.

Anggaran kos dan hasil untuk pengeluarannya adalah seperti berikut..

	RM
Sewa kilang	5,000
Insurans kilang	1,000
Kos Bahan Langsung	2.00 sehelai
Kos buruh langsung	2.00 sehelai
Kos berubah lain	2.00 sehelai
Harga jualan	10.00 sehelai

Anda dikehendaki menghitung

- (a) Kos berubah sehelai t-shirt. [2 markah]
- (b) Jumlah kos tetap [2 markah]
- (c) Titik pulang modal dalam unit. [2 markah]
- (d) Jumlah t-shirt yang perlu dijual untuk mendapat keuntungan sebanyak RM20,000 [2 markah]
- (e) Keuntungan atau kerugian jika mengeluarkan 4000 helai t-shirt. [2 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

HELAIAN HADAPAN KERTAS JAWAPAN

NAMA:

NO KAD PENGENALAN:

ANGKA GILIRAN :

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	25	
	3	25	
B	4	20	
	5	20	
	6	20	
JUMLAH			

LEJAR

LEJAR

